

11 FEB 1997

Teleperubatan-Ambulans

DENGAN KONSEP RAWATAN TELEPERUBATAN SIAP MENJELANG AKHIR TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- ambulans berkuasa tinggi yang akan mula beroperasi secara berperingkat di Hospital Kuala Lumpur (HKL) Mac ini akan dilengkapi dengan peralatan "teleperubatan" atau kaedah merawat dengan bantuan telekomunikasi semasa dalam perjalanan ke hospital akhir tahun ini.

Ketua Jabatan Kecemasan HKL, Dr Abu Hassan Ashari berkata penyediaan ambulans seperti itu penting sebagai persiapan menghadapi Sukan Komanwel untuk menyediakan perkhidmatan perubatan setanding dengan negara maju.

Beliau berkata rekabentuk dalam ambulans adalah sama seperti apa yang ada dalam wad kecemasan dan pegawai pembantu perubatan (MA) akan merawat pesakit dengan tunjuk ajar daripada para doktor yang berada di hospital.

"Kita perlu menyediakan kaedah rawatan terbaik menjelang Sukan Komanwel ini sekurang-kurangnya setaraf dengan negara-negara seperti Australia atau Kanada bagi membuktikan kemampuan kita kepada pelawat luar menjelang sukan itu nanti," katanya.

Beliau yang juga merupakan Pengarah Perkhidmatan Kecemasan dan Orang Awam Sukan Komanwel bagaimanapun berkata tidak semua daripada kira-kira 40 ambulans baru yang akan disiapkan menjelang sukan itu akan dilengkapi dengan kemudahan itu.

Abu Hassan berkata, konsep rawatan sebegini adalah selaras dengan idea yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung Koridor Raya Multi Media.

Beliau berkata menjelang sukan itu nanti kebanyakan pusat perubatan akan dilengkapi dengan peralatan komunikasi audio visual antara satu sama lain dan juga antara ambulans.

Perhubungan antara doktor dengan ambulans adalah penting bagi memberikan pesakit rawatan paling cepat dan sebaik mungkin semasa beliau dalam perjalanan ke hospital, katanya.

"Ia juga penting kepada para doktor untuk membuat keputusan sekiranya pesakit itu perlu dihantar dengan segera menggunakan helikopter atau penghantaran itu langsung tidak diperlukan kerana rawatan boleh dibuat di pusat rawatan yang paling dekat," katanya.

Menurut beliau, ambulans ini dijangka akan dapat memenuhi permintaan panggilan kecemasan dengan lebih baik berbanding dengan ambulans yang lama berdasarkan kemampuan daripada segi kepantasan, saiz, kemampuan komunikasi serta kecanggihan teknologi dalam pelbagai aspek.

Abu Hassan berkata, ambulans ini akan dibahagikan kepada tiga rekabentuk utama iaitu Gred A atau Advance Life Support ambulans, Gred B atau Basic Life Support ambulans dan yang biasa menggunakan kenderaan Pacuan Empat Roda.

Beliau berkata ambulans gred A akan dibina lebih tinggi dan lebih lebar daripada biasa serta dilengkapi dengan lampu kecemasan yang lebih banyak dan terang bagi memudahkan orang ramai menyedari kehadiran mereka atas jalan raya dengan lebih jelas.

"Selain daripada itu ia juga akan dilengkapi dengan peralatan rawatan yang berada dalam jangkauan pegawai pembantu perubatan dengan pegawai itu hanya duduk di atas sebuah kerusi semasa merawat pesakit dan beliau tidak perlu bergerak," katanya.

Menurut beliau, ambulans gred B pula lebih kecil berbanding dengan gred A tetapi memiliki peralatan perubatan kecemasan yang lebih lengkap daripada ambulans sekarang untuk kemudahan paramedik.

Beliau berkata sebagai permulaan ini sebanyak tiga kenderaan ambulans

baru itu akan mulai ditempatkan di Jabatan Kecemasan HKL menjelang Mac ini.

Abu Hassan berkata, ambulans Gred A lengkapi dengan peralatan dianggarkan bernilai kira-kira RM150,000 manakala Gred B bernilai kira-kira RM100,000 dan kedua-dua kenderaan itu adalah dari jenis Super Convoy Wheel Base Toyota.

Beliau berkata menjelang sukan itu nanti, 20 ambulans gred A, 20 ambulans gred B dan mungkin satu atau dua kenderaan ambulans pacuan empat roda akan siap untuk digunakan.

Menurut beliau, semua kira-kira 40 kenderaan itu akan hanya beroperasi sekitar Lembah Kelang dan akan mula diperkenalkan ke kawasan lain di seluruh negara selepas tamat Sukan itu nanti.

Kenderaan pacuan empat roda itu nanti akan digunakan bagi kawasan-kawasan yang sukar dilalui oleh kenderaan biasa.

Menurut beliau, bagaimanapun hampir 200 ambulans yang sedang beroperasi di seluruh negara kini tidak akan ditamatkan perkhidmatannya dan sebaliknya akan terus digunakan sebaik mungkin.

"Mana yang ada kita akan pakai juga, manakala jika ada yang perlu ditukar kita akan ganti dengan ambulans yang baru ini," katanya. -- BERNAMA

AZH MS PR